



Zuraida menyampaikan replika kunci rumah kepada penerima pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kepada Penyewa PPR Taman Sri Bukit Tawau, semalam. (Foto Abdul Rahemang Taiming/BH)

Huni PPR selepas enam bulan siap

KPKT mahu elak harta benda rosak

Kementerian prihatin proses pengisian penghuni ambil masa

Oleh Abdul Rahemang Taiming
bhnews@bh.com.my

Tawau: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menetapkan setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang siap dibina sepenuhnya, perlu diisi dalam tempoh enam bulan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata kementerian prihatin dengan proses pengisian penghuni yang mengambil masa

agak lama sebelum ini sehingga boleh mengakibatkan kerosakan harta benda di kediaman yang tidak dihuni.

"Selepas ini, dalam masa enam bulan PPR siap, ia mesti diisi. Proses pemilihan penerima juga kena dibuat lebih awal. Pada masa sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga kini lebih teliti dalam memastikan hanya individu benar-benar layak ditawarkan rumah PPR," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kepada Penyewa PPR Taman Sri Bukit Tawau, di sini, semalam, beliau juga memaklumkan, dua lagi projek PPR di Sabah, masing-masing akan dibina di Sandakan dan Melalap di Tenom, dijangka tahun depan.

Zuraida turut mengga-

lakkan pemaju swasta supaya membina lebih banyak projek perumahan mampu milik, khususnya untuk golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Sementara itu, Presiden Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Datuk Ir Amrullah Kamal memaklumkan, pihaknya menerima 14,187 permohonan bagi menduduki kediaman di lima projek PPR yang dibangunkan di daerah ini.

"Daripada jumlah itu, seramai 3,342 sudah ditawarkan rumah PPR setakat ini, manakala yang lain masih dalam senarai menunggu.

"Terima kasih KPKT kerana menyalurkan peruntukan pembinaan rumah PPR di sini sehingga dapat memenuhi keperluan perumahan rakyat berpendapatan rendah di Tawau," katanya.